

31/08/2003

Kabinet setuju program pertukaran ulama

KUALA LUMPUR: Malaysia akan mengadakan program pertukaran ulama dengan Kerajaan Syria tidak lama lagi, kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdul Hamid Zainal Abidin.

Beliau berkata, persetujuan mengadakan program pertukaran ulama itu dipersetujui pada mesyuarat Kabinet, Rabu lalu berikutan lawatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Syria, pertengahan Ogos lalu.

Katanya, mesyuarat itu juga memutuskan untuk mengadakan beberapa program jangka pendek dan panjang yang dapat memberi manfaat membangunkan umat Islam di kedua-dua negara.

"Kita juga bercadang menghantar pensyarah institusi pengajian tinggi tempatan ke negara terbabit bagi tempoh beberapa bulan untuk meninjau sistem pendidikan di sana," katanya selepas merasmikan majlis jalinan mesra dan anugerah anakku cemerlang di Kompleks Anak Yatim Darul Kifayah, di Kampung Batu Muda, di sini, semalam.